

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERSIDANGAN KEDUA MINI PARLIMEN KANAK-KANAK MALAYSIA, SEMPENA HARI
KEBANGSAAN
Lokasi : DEWAN HANG TUAH, MELAKA
Tarikh : 10-08-1985

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Rahim Tamby Chik, Ketua Menteri Melaka dan Datin Seri;

Yang Berhormat Dato' Seri Sanusi Junid, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Pusat Perayaan Hari Kebangsaan dan Datin Seri;

Yang Berhormat Menteri-Menteri;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya berasa bangga dan mengucapkan terima kasih kerana sekali lagi dijemput untuk menghadiri dan seterusnya merasmikan Persidangan Kedua Mini Parlimen Kanak-Kanak Malaysia. Sesungguhnya saya berasa besar hati kerana melalui Mini Parlimen ini kanak-kanak berbilang kaum dari seluruh negara dapat berkumpul dan berbincang mengenai hal-hal yang berfaedah bagi generasi kanak-kanak khususnya, dan masyarakat amnya. Dengan adanya Mini Parlimen ini, selain daripada dapat menyemai dan menyuburkan perasaan kasih sayang di antara kaum di negara ini, ianya juga akan dapat memberi tunjuk ajar kepada golongan kanak-kanak untuk menanamkan semangat kebangsaan dan cintakan tanahair, selain daripada mendisiplin kanak-kanak itu sendiri.

2. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Encik Jamal Mohamad, selaku Speaker dan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Mini Parlimen, dan juga semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan Persidangan kali ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Radio dan Televisyen Malaysia dan Kementerian Penerangan kerana usahanya merakamkan Persidangan ini. Terima kasih juga kepada pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan program ini. Adalah diharapkan sokongan seumpama ini akan memberi dorongan dan galakan kepada lebih banyak lagi pihak-pihak lain untuk turut serta memeriah dan menjayakan program ini di masa hadapan.

4. Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka Persidangan Mini Parlimen Kedua ini dengan rasminya. Selamat bersidang.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.